

**Anggota Umno Diminta Tidak Jadikan Pemilihan Parti Medan Uji Keupayaan Bernama
9 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor hari ini mengingatkan anggota-anggota parti bahawa pemilihan jawatan Umno bukanlah medan untuk mereka 'suka-suka' menguji keupayaan hingga menyebabkan peraturan baharu parti seolah-olah dipermainkan.

Justeru itu, beliau meminta mereka supaya memastikan peraturan baharu parti dipatuhi demi menjaga imej Umno.

"Saya menasihatkan anggota-anggota parti supaya jangan merosakkan parti. Peraturan baharu ini memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk bertanding tetapi janganlah sampai jadikan peluang ini macam satu ejekan.

"Biarlah ukur baju di badan sendiri sebelum mencalonkan diri untuk bertanding," katanya kepada pemberita selepas merasmikan padang futsal Cruyff Court di Kelab Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Brickfields di sini hari ini.

Dalam pada itu, Tengku Adnan berkata mesyuarat cawangan-cawangan Umno masih berlangsung namun yakin akan selesai pada pertengahan bulan ini sebelum bermulanya mesyuarat bahagian awal bulan depan.

Tengku Adnan yang juga menteri Wilayah Persekutuan turut membidas pembangkang dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) sentiasa menuduh pilihan raya di negara ini tidak adil.

"Mereka terlalu banyak menuding jari dan menuduh orang lain termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menipu," katanya.

Sebagai anggota Parlimen Putrajaya, beliau berkata pihaknya turut membuat kajian pasca pilihan raya dan mendapati ada alamat rumah yang mempunyai 19 pengundi pembangkang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976381>